

Najib terima sumbangan lebih 500 lembu korban
The Malaysian Insider
Sept 17, 2015

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini menerima sumbangan sebanyak 534 lembu korban daripada 15 syarikat bagi sambutan Aidiladha di kawasan Parlimen Pekan.

Sumbangan itu disampaikan dalam satu majlis penyerahan oleh wakil syarikat terbabit di Perdana Putra, Putrajaya.

Antara syarikat terbabit ialah Sapura Holdings Sdn Bhd yang menyumbang 128 ekor lembu, Naza Group (75), DRB-HICOM Berhad (50), WZR Property Sdn Bhd (30), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (30) dan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (28).

Turut menyampaikan sumbangan ialah Roadcare (M) Sdn Bhd yang menyumbang 28 ekor lembu, HeiTech Padu Berhad dan Nukima Sdn Bhd (20), GBP Corporation Sdn Bhd (20), AJ Aeroservices Sdn Bhd (20) dan Kini Unggul Sdn Bhd (15).

Lembu berkenaan akan disumbangkan kepada masjid, surau, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang melaksanakan ibadah korban di Pekan.

Umat Islam menyambut Aidiladha pada 24 September. – Bernama, 17 September, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-terima-sumbangan-lebih-500-lembu-korban>